

KENYATAAN MEDIA

BELANJAWAN 2021 INKLUSIF, BERPAKSIKAN RAKYAT

KUALA LUMPUR – Belanjawan 2021 yang bertemakan “**Teguh Kita, Menang Bersama**” yang memberi penekanan kepada tiga (3) matlamat induk iaitu **Kesejahteraan Rakyat, Kelangsungan Perniagaan dan Ketahanan Ekonomi** adalah belanjawan yang bersifat inklusif dan berpaksikan rakyat.

Penekanan yang diberi jelas bersifat menyeluruh, turut memfokus kepada kesejahteraan rakyat meliputi semua bidang, termasuk bagi sektor infra.

Kementerian Kerja Raya menghargai Belanjawan 2021 yang diperuntukkan oleh Kerajaan dan Kementerian komited untuk terus melaksanakan pembangunan infrastruktur negara.

Secara keseluruhan, **KKR menerima RM7.348 bilion peruntukan bagi tahun 2021. Jumlah bajet mengurus KKR yang diluluskan adalah sebanyak RM1.26 bilion berbanding RM1.792 bilion yang diterima untuk tahun 2020.** Manakala Bajet Pembangunan Tahun 2021 yang diluluskan adalah **sebanyak RM6.088 bilion berbanding RM6.240 bilion** pada tahun lalu.

Belanjawan 2021 menyaksikan komitmen kerajaan dalam meneruskan pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dan Sabah termasuk Pakej Serusop ke Pituru yang merupakan 'missing link' sepanjang 21km.

Manakala peruntukan RM3.8 bilion yang diluluskan adalah untuk projek - projek berikut:

- 1. Projek pembinaan Jambatan Klang Ke-3 Fasa 2 di Selangor;**
- 2. Meneruskan Projek Central Spine Road;**
- 3. Menaik taraf jambatan merentasi Sungai Marang, Terengganu bagi laluan Jalan Kuala Terengganu ke Kuantan;**
- 4. Menaik taraf Jalan Persekutuan menghubungkan Gerik, Perak ke Kupang, Lunas dan Kulim, Kedah;**

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  [Kementerian Kerja Raya](https://www.facebook.com/KementerianKerajaanMalaysia) |  [@MOWorks](https://twitter.com/MOWorks) |  Pro@kk.gov.my

5. **Membina dan menaik taraf lingkaran Pulau Indah, Klang, Selangor Fasa 3;**
6. **Projek Jalan Pintasan Cameron Highlands, Pahang dengan penekanan langkah pemuliharaan alam sekitar.**

Kerajaan juga telah memperuntukkan sebanyak RM681.4 juta untuk kos penyenggaraan bagi menambahbaik kualiti Jalan Persekutuan dan bangunan di bawah kawalan Kementerian Kerja Raya.

Bergerak berlandaskan tema **Mendigitalikan Sektor Pembinaan Negara** bermula 2021, Kementerian Kerja Raya menerusi bajet 2021 memberi penggalakkan kepada penggunaan teknologi dalam sektor pembinaan. Tempoh permohonan galakan elaun cukai pelaburan bagi pengeluar komponen Sistem Binaan Berindustri (IBS) dilanjutkan sehingga 31 Disember 2025.

KKR turut menyokong bagi inisiatif-inisiatif lain seperti:

1. Inisiatif pengambilan pekerja di bawah PERKESO yang dikenali sebagai PenjanaKerjaya dengan penambahbaikan bagi sektor kebergantungan tinggi kepada pekerja asing seperti pembinaan dan perladangan.
2. Menaik taraf bangunan serta infrastruktur di 50 buah sekolah-sekolah daif di Sabah dan Sarawak.

Kementerian Kerja Raya melihat bahawa secara keseluruhan Bajet 2021 akan dioptimumkan untuk kesejahteraan setiap lapisan masyarakat dalam mempertingkatkan tahap kebolehcapaian rangkaian dan kesalinghubungan, sekaligus memperkukuhkan pembangunan ekonomi negara.

DATO' SRI FADILLAH YUSOF
MENTERI KANAN KERJA RAYA
6 NOVEMBER 2020

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

☎ : 03- 8000 8000 / D.L :03-2771 4616 / 4627 | 📠 : 03-2711 1101

Laman Web : www.kkr.gov.my |  Kementerian Kerja Raya |  @MOWorks |  Pro@kk.gov.my